



BULETIN PRESTASI

MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG TAHUN 2025



MAJLIS ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN
MBDK TAHUN 2025



LAWATAN TURUN PADANG DATUK BANDAR
KE SEKITAR BANDAR PELABUHAN KLANG



PENGHARGAAN KEPADA AHLI MAJLIS
MBDK BAGI SESI 2024/2025



KITASELANGOR



Imbas
Kod QR
untuk mengakses
Buletin dalam talian



www.mbdk.gov.my



[mbdklang_official](#)



[Majlis Bandaraya Diraja Klang](#)



[MBDKlang](#)

Sidang Redaksi

PENAUNG

**Yang Berbahagia
Dato' Haji Abd. Hamid Hussain**
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Diraja Klang

PENASIHAT

**Yang Berusaha
Tuan Mohd Zary Affendi Mohd Arif**
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Diraja Klang

KETUA EDITOR

Puan Norfiza Mahfiz
Pengarah
Jabatan Komunikasi Korporat

EDITOR

Puan Nor Haslinah Mohamed Jaafar
Timbalan Pengarah
Jabatan Komunikasi Korporat

SIDANG EDITORIAL

Encik Mohd Affaizul Abd. Majid
Pegawai Komunikasi
Jabatan Komunikasi Korporat

PEREKA GRAFIK

Encik Muhammad Hakim Mansor
Penolong Pegawai Komunikasi
Jabatan Komunikasi Korporat

JURUFOTO

Encik Badri Hisham Bidin
Encik Muhammad Shahmil Suhaimi

TERBITAN:

**Jabatan Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Diraja Klang**

Isi Kandungan

- 3** | MAJLIS ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN
MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG TAHUN 2025
- 4** | KEJOHANAN SELANGOR OPEN FOURS PIALA DATUK
BANDAR MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG 2025
- 5** | FI KELESTARIAN NEGERI SELANGOR
- 6** | PERTANDINGAN REKABENTUK ARCA MERCUTANDA
SEMPADAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG
- 7** | PRESTASI KEWANGAN
- 8** | KUTIPAN HASIL MBDK MELALUI SALURAN ATAS TALIAN
- 9** | -PENGUKUHAN MODAL INSAN DAN TADBIR URUS
PERJAWATAN
-MEMPERKUKUH MODAL INSAN, INTEGRITI, ETIKA DAN TADBIR
URUS
- 10** | TINDAKAN PENGUATKUASAAN
- 11** | PROJEK INFRASTRUKTUR TAHUN 2025
- 12** |
- 13** | PENGINDAHAN BANDAR
- 14** | KAWALAN PENCEGAHAN DAN PEMANTAUAN KESIHATAN
AWAM
- 15** | FUNGSI JAWATANKUASA RUNDINGAN PENDUDUK
- 16** | PENCAPAIAN INOVASI MBDK
- 17** | PENGHARGAAN KEPADA AHLI MAJLIS MAJLIS BANDARAYA
DIRAJA KLANG
- 18** | -1,539 PERMOHONAN DIPROSES DENGAN KOMITMEN
-PENGECUALIAN CUKAI TAKSIRAN NEGERI SELANGOR 2026



MAJLIS ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG TAHUN 2025

Majlis Bandaraya Diraja Klang terus memacu agenda kelestarian bandar melalui penganjuran Majlis Anugerah Komuniti Mampan MBDK 2025 bagi mengiktiraf sumbangan komuniti, agensi dan sektor swasta dalam pembangunan Bandar Raya Klang selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Datuk Bandar MBDK, YBhg. Dato' Haji Abd Hamid Hussain menegaskan bahawa kelestarian bandar tidak boleh digalas oleh pihak berkuasa tempatan semata-mata, sebaliknya memerlukan penglibatan bersepadu komuniti, agensi kerajaan, institusi pendidikan dan sektor swasta. Beliau berkata Klang berdepan cabaran seperti tekanan perbandaran, perubahan iklim, risiko banjir, pembangunan industri serta peningkatan sisa pepejal yang menuntut kerjasama strategik semua pihak.

Seiring usaha tersebut, MBDK turut melancarkan Program Sahabat Sungai sebagai platform penglibatan komuniti dalam pemuliharaan sungai dan pengurangan risiko banjir di Klang. Pada majlis ini, sebanyak 38 penerima diraikan melibatkan tiga kategori utama, iaitu Rakan Strategik SDG Bandar Rendah Karbon 2030 (19 penerima), Rakan Strategik SDG Cintai Sungai Klang (tiga penerima) dan Kebuniti Bangunan MBDK (16 penerima), sekali gus mengukuhkan komitmen MBDK terhadap pembangunan bandar yang mampan dan inklusif.





KEJOHANAN SELANGOR OPEN FOURS PIALA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG 2025



Majlis Bandaraya Diraja Klang terus komited dalam memperkasakan pembangunan sukan dengan penganjuran Kejohanan Selangor Open Fours Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Diraja Klang 2025, yang telah berlangsung dari 2 hingga 6 Disember 2025 bertempat di Kompleks Boling Padang Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Kejohanan anjuran bersama Persatuan Boling Padang Selangor ini telah menarik penyertaan 40 pasukan dari seluruh negara, sekali gus membuktikan sambutan yang amat menggalakkan.

Pasukan Kalma Brew telah muncul sebagai juara dan pasukan MBDK B pula berjaya meraih gelaran naib johan selepas memberikan saingan sengit dengan keputusan 10-9.

YBhg Dato' Haji Abd. Hamid Hussain, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Diraja Klang merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pemenang, khususnya pasukan MBDK B atas pencapaian membanggakan dalam kejohanan ini.





FI KELESTARIAN NEGERI SELANGOR

Sebagai makluman, Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan pengenaaan Fi Kelestarian mulai 1 Januari 2026, yang akan dikenakan kepada pengunjung tempatan dan antarabangsa semasa pendaftaran masuk (check-in) di premis penginapan di Negeri Selangor, pada kadar semalaman mengikut kategori premis penginapan.

Pengenaan Fi Kelestarian ini bertujuan menampung kos pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur pelancongan, meningkatkan kualiti pengalaman pelancong, membiayai inisiatif pemeliharaan alam sekitar, serta menjamin kelangsungan dan kelestarian industri pelancongan di Negeri Selangor. Usaha ini juga selari dengan aspirasi memperkukuh imej Selangor sebagai destinasi pelancongan yang lestari dan mampan, sejajar dengan Dasar Pelancongan Negara 2020–2030.

BIL	KATEGORI	FI KELESTARIAN
1.	Hotel 4 dan 5 bintang	RM7.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
2.	Hotel 1 hingga 3 bintang	RM5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
3.	Hotel Bajet	RM2.00 (Ringgit Malaysia: Dua Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
4.	Hotel (Tiada Penggredan)	RM5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
5.	Tapak Perkhemahan	RM3.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
6.	Kenderaan bagi tujuan penginapan	RM3.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
7.	Asrama	RM2.00 (Ringgit Malaysia: Dua Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan;
8.	Tempat penginapan yang berdaftar di bawah apa-apa program anjuran MOTAC	RM3.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Sahaja) per bilik per malam sepanjang tempoh penginapan.



PERTANDINGAN REKABENTUK ARCA MERCUTANDA SEMPADAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

Majlis Bandaraya Diraja Klang telah menganjurkan Pertandingan Rekabentuk Arca Mercutanda Sempadan MBDK yang berlangsung dari 12 November hingga 12 Disember 2025. Pertandingan ini bertujuan mewujudkan mercu tanda yang mencerminkan identiti dan imej korporat MBDK, di samping mengalu-alukan pengunjung yang memasuki kawasan pentadbiran Bandaraya Diraja Klang serta meningkatkan tarikan visual dan pelancongan di pintu masuk bandaraya.

Sebanyak 22 penyertaan telah diterima, sekali gus mencerminkan sambutan yang amat menggalakkan. Sesi penilaian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Abd. Hamid Hussain, Datuk Bandar MBDK, Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Orang Besar Daerah Klang, YBrs. Tuan Mohd Zary Affendi Bin Mohd Arif, Timbalan Datuk Bandar MBDK, Ahli-ahli Majlis serta Ketua-Ketua Jabatan bagi memastikan proses penilaian dilaksanakan secara sistematik dan telus.





JUMLAH HASIL
RM403.23 JUTA



JANGKAAN HASIL
RM391.88 JUTA



JUMLAH PERBELANJAAN
RM344.51 JUTA



PERUNTUKAN PERBELANJAAN
RM440.90 JUTA



LEBIHAN KEWANGAN
RM58.72 JUTA



DEFISIT
RM49.03 JUTA

PRESTASI KEWANGAN

Sehingga November 2025, prestasi kewangan Majlis Bandaraya Diraja Klang menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan, dengan jumlah hasil sebenar berjumlah RM403.23 juta atau 106% daripada anggaran tahunan, didorong oleh peningkatan hasil cukai dan hasil bukan cukai. Perbelanjaan pula berada pada tahap terkawal dengan RM344.51 juta atau 86% daripada peruntukan, sekaligus menghasilkan lebihan kewangan sebanyak RM58.72 juta setakat November 2025 (Komitmen sehingga Disember). Prestasi ini mencerminkan pengurusan kewangan yang berhemah dan kedudukan kewangan yang positif.

Manakala Bajet Tahun 2026 telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, dengan jangkaan hasil sebanyak RM391.88 juta dan peruntukan perbelanjaan berjumlah RM440.90 juta, menjangkakan defisit sebanyak RM49.03 juta. Peningkatan peruntukan sebanyak RM40 juta berbanding tahun 2025 membolehkan Majlis melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kemudahan awam serta infrastruktur, sambil memperkukuh imej Bandaraya Diraja Klang sebagai bandar yang bersih dan terpelihara.



Majlis Bandaraya Diraja Klang

KUTIPAN HASIL MBDK MELALUI SALURAN ATAS TALIAN

Sehingga 30 November 2025, 84% kutipan hasil MBDK yang direkodkan melalui saluran atas talian, berjumlah RM315 juta melibatkan 591,402 transaksi, berbanding RM116 juta dengan 113,359 transaksi dicatat melalui kaunter. Bagi tahun 2026, Majlis menggalakkan penggunaan iPay MBDK bagi semua urusan dan bayaran, sekali gus meningkatkan kecekapan digital, mengurangkan penggunaan kertas, dan menyokong pembangunan bandar yang mampan sejajar dengan SDG 9, 11 dan 12. Mulai tahun hadapan (2026), penghantaran bil cukai taksiran secara fizikal kepada pemilik akan dihentikan sepenuhnya dan pemilik harta boleh membuat semakan dan pembayaran melalui portal ipay.mbdk.gov.my. Orang awam diingatkan supaya menjelaskan Cukai Taksiran penggal 1/2026 sebelum atau pada 28 Februari 2026 dan kenan fi Notis sebanyak RM20.00 akan dikenakan selepas tarikh tersebut.

9 INDUSTRI INOVASI & INFRASTRUKTUR



11 BANDAR & KOMUNITI YANG BERDAYA TAHAN



12 PENGGUNAAN & PENGELUARAN BERTANGGUNGJAWAB



- MENINGKATKAN KECEKAPAN DIGITAL
- MENGURANGKAN PENGGUNAAN KERTAS
- MENYOKONG PEMBANGUNAN BANDAR YANG MAMPAN



SALURAN ATAS TALIAN
RM315 JUTA
591,402 TRANSAKSI



MELALUI KAUNTER
RM116 JUTA
113,359 TRANSAKSI



MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

PEMBERITAHUAN

**TIADA LAGI PENGHANTARAN
BIL CUKAI TAKSIRAN
SECARA FIZIKAL
MULAI TAHUN 2026**

**DAFTAR, SEMAK
DAN BAYAR
MELALUI PORTAL**

<https://ipay.mbdk.gov.my>



MALAYSIA
MADANI

KITASELANGOR



www.mbdk.gov.my




Majlis Bandaraya Diraja Klang



Majlis Bandaraya Diraja Klang

PENGUKUHAN MODAL INSAN DAN TADBIR URUS PERJAWATAN



Dalam aspek sumber manusia, Majlis terus memberi penekanan kepada pengukuhan modal insan sebagai tunjang utama keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Sehingga tahun 2025, pengurusan sumber manusia Majlis memberi fokus kepada pengoptimuman kekuatan tenaga kerja, pengisian jawatan kritikal serta peningkatan kecekapan warga kerja di semua peringkat. Sehingga 30 November, jumlah perjawatan ialah seramai 1,621 orang, merangkumi pelbagai kategori jawatan yang berperanan memastikan kelancaran operasi serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan Majlis. Selain itu, bagi tambahan permohonan jawatan tetap ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), pihak Majlis akan melaksanakan Audit Kendiri Perjawatan dan Organisasi (AKPO) sebagai satu mekanisme sokongan dan kawalan bagi memastikan pengurusan sumber manusia dilaksanakan secara berkesan dan berintegriti.

MEMPERKUKUH MODAL INSAN, INTEGRITI, ETIKA DAN TADBIR URUS

Bagi memastikan budaya kerja beretika, berakauntabiliti, dan berintegriti tinggi di kalangan warga MBDK, beberapa pencapaian berimpak tinggi berjaya dilaksanakan pada tahun 2025 melalui pelaksanaan program integriti dan antirasuah yang berimpak tinggi. Antaranya program TEKAD (Tempat Kerja Bebas Dadah) dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Selangor, Semakan Risiko Rasuah (CRM) bersama pihak SPRM, sambutan Hari Integriti, pengiktirafan Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA 2025), program-program Integriti bersama kakitangan MBDK bertujuan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya integriti dalam etika kerja serta taklimat integriti kepada kontraktor bagi meningkatkan kesedaran kontraktor tentang bahaya rasuah dan pencegahan rasuah.

Melalui kejayaan program pengukuhan integriti bagi tahun 2025, perancangan 2026 akan terus menumpukan kepada pengukuhan kepimpinan berintegriti, pensijilan semula ISO 37001: 2025 (ABMS – Anti Bribery Management System) yang akan dilaksanakan pada bulan Februari 2026 oleh pihak SIRIM, sesi dialog bersama SPRM, dan inisiatif lain bagi memperkukuh budaya kerja beretika, berakauntabiliti dan berintegriti tinggi.





TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Sepanjang tahun 2025, MBDK telah mengeluarkan sebanyak 460,947 kompaun, merangkumi 456,226 kompaun trafik dan 4,721 bukan trafik, serta mengambil 21,570 tindakan penyitaan termasuk premis perniagaan, penjaja, kenderaan dan iklan tanpa permit.

MBDK turut melaksanakan tindakan tunda kenderaan berat sejak Julai 2024 melalui kontraktor dilantik. Sepanjang 2025, sebanyak 163 kenderaan berat telah ditunda dan 1,706 kompaun dikeluarkan, dengan 14 siri operasi bersepadu bersama PDRM dan JPJ bagi memastikan pematuhan peraturan, sambil bajet penguatkuasaan kenderaan berat dinaikkan daripada RM400,000 pada 2025 kepada RM600,000 pada 2026.

Bagi isu kenderaan buruk, sebanyak 775 aduan diterima sepanjang tahun 2025. 317 kenderaan telah disita, 1,075 dialihkan sendiri oleh pemilik, manakala 197 masih dalam tindakan susulan. Untuk memperkukuh penguatkuasaan, MBDK menyelenggara depoh sedia ada dan membina depoh baru dengan kos RM2.25 juta serta menambah lori tunda dalam Bajet 2026.

Pasukan Khas Join-Enforce atau J-FORCE yang telah ditubuhkan sejak 15 Mac 2022 untuk melaksanakan penguatkuasaan tegas dan berintegriti, dengan semua tindakan kompaun mandatori, tiada rayuan pengurangan bagi denda kompaun. Pada 2025, pasukan ini telah melaksanakan tiga (3) siri operasi pemeriksaan yang tertumpu di kawasan perindustrian Klang Utama, Pendamar dan Meru. Pasukan J-FORCE telah berjaya mengutip hasil kompaun sebanyak RM3.3 juta melalui 10 siri operasi penguatkuasaan secara hoslistik sejak penubuhan pasukan pada tahun 2022.

Secara keseluruhan, MBDK telah merancang strategik dan pelan tindakan dari aspek penguatkuasaan yang dinamik agar usaha ini dapat meningkatkan kefahaman warga Klang agar mencapai pemikiran kelas pertama. Usaha ini akan diteruskan pada tahun 2026 dengan menumpukan kawasan-kawasan industri di dalam kawasan pentadbiran MBDK.



PROJEK INFRASTRUKTUR TAHUN 2025

Bagi tahun 2025, Jabatan Kejuruteraan menerima peruntukan sebanyak RM80,964,350.00 untuk menguruskan 121 projek melibatkan jalan raya, sistem saliran dan mitigasi banjir, pengangkutan awam, keselamatan jalan raya, kemudahan awam serta dewan dan balai raya, pencahayaan lampu jalan dan lampu isyarat, serta pengurusan aset alih kenderaan dan jentera Majlis. Tambahan peruntukan daripada tabung amanah, kerajaan negeri dan persekutuan bernilai RM 118.895 juta juga digunakan bagi melaksanakan projek berkaitan.

Untuk kerja jalan dan MARRIS, sebanyak 23 projek pembekalan, penyelenggaraan dan one-off bernilai RM 18.63 juta dilaksanakan. Manakala peruntukan MARRIS sebanyak RM38.05 juta diperuntukkan untuk memastikan jaringan jalan raya selamat dan selesa. Selain itu, jabatan turut memantau 11 projek lain dengan kos RM 19,048,126.11 dari peruntukan lain. Manakala sebanyak 164.27km jalan telah selesai diturap dan dinaiktaraf pada tahun ini.

Untuk pengangkutan awam, RM 3.35 juta dibelanjakan bagi Bas Smart Selangor, selain RM 421,588 untuk menaiktaraf 30 pondok bas. Manakala RM 3.16 juta digunakan bagi kemudahan pejalan kaki dan basikal. Peningkatan keselamatan jalan raya turut dilaksanakan melalui peruntukan RM 8.19 juta untuk penyelenggaraan dan menaik taraf perabot jalan.

Majlis turut memberi tumpuan kepada usaha mitigasi banjir melalui kerja penyelenggaraan dan pembaikan saliran sepanjang 356,730 meter yang dilaksanakan secara berkala. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 64 kerja tebatan banjir telah dilaksanakan dengan kos kira-kira RM46 juta, sekali gus berjaya mengurangkan *hotspot* banjir sebanyak 30%. Selain itu, keberkesanan sistem pemantauan dan amaran banjir (*flood monitoring and alarm system*) serta pemasangan *mobile pump* turut dinilai bagi memastikan pengurusan bencana yang lebih cekap di kawasan berisiko.

Dalam aspek lampu jalan dan lampu isyarat, 493 lampu jalan konvensional telah dinaiktaraf ke teknologi LED dan 1,621 lampu pintar dipasang dengan kos RM 12.75 juta, manakala 4 projek lampu hiasan dan lampu taman bernilai RM 1.77 juta turut dilaksanakan. Selain itu, lampu Isyarat Pintar telah mula dipasang di persimpangan utama untuk mengurangkan kesesakan waktu puncak dengan perbelanjaan RM 692,250.00.



PROJEK INFRASTRUKTUR TAHUN 2025

Bagi kemudahan awam, kerja pembaikan dan pendawaian elektrik telah dilaksanakan di beberapa buah dewan orang ramai dan balai raya serta kemudahan awam yang lain dengan peruntukan RM 17.62 juta. Selain itu, peruntukan RM2.33 juta digunakan untuk penyelenggaraan dan menaiktaraf kuarters serta pejabat Majlis. Fokus utama adalah untuk memastikan fasiliti ini memenuhi piawaian keselamatan dan keselesaan sebelum melangkah ke tahun 2026. Di samping itu, terdapat perancangan untuk pembinaan dewan baharu di Taman Maznah, Bandar Puteri, dan Aman Perdana pada tahun hadapan (2026).

Seterusnya, bagi pengurusan kenderaan dan jentera, sebanyak RM4.59 juta dibelanjakan bagi penyelenggaraan, pembaikan, pembekalan dan perolehan baru untuk 284 unit kenderaan dan jentera Majlis. Status dan prestasi aset ini dipantau secara berterusan melalui Fleet Management System bagi memastikan tahap ketersediaan dan kecekapan operasi yang optimum.

Melangkah ke tahun 2026, Majlis akan memastikan semua infrastruktur dalam kawasan pentadbirannya berada pada tahap premium. Sebagai langkah ini, Majlis merancang pelaksanaan program infrastruktur berskala besar dengan peruntukan sebanyak RM 113.59 juta, untuk tujuan penyelenggaraan dan menaiktaraf estetik dan fungsi aset di kawasan pentadbiran Majlis dan juga sebagai persediaan dan persiapan Temasya SUKMA dan di samping memastikan kesiapsiagaan dalam menjayakan pelbagai program berskala besar, acara rasmi, aktiviti pelancongan serta keperluan komuniti, selaras dengan aspirasi menjadikan Bandaraya Diraja Klang sebagai bandar yang berdaya huni, berdaya saing dan berimej unggul.





PENGINDAHAN BANDAR



Bagi tahun 2025, sebanyak RM46 juta diperuntukan untuk tiga skop utama iaitu penyelenggaraan landskap, penyediaan kemudahan rekreasi, dan projek menaik taraf taman awam.

Dalam skop penyelenggaraan landskap, kerja-kerja merangkumi 1,130 padang rekreasi, jalan persiaran, dan kolam tadahan termasuk pemotongan rumput, pembersihan kawasan, serta kutipan sampah. Bagi penyelenggaraan pokok ameniti, sebanyak 9,915 pokok telah diselenggara sepanjang tahun melalui pelaksanaan inhouse dan kontrak panel, dengan nilai keseluruhan sebanyak RM6,000,000.00.

Dalam aspek penyediaan kemudahan rekreasi, kerja-kerja melibatkan baik pulih padang, gelanggang sukan seperti bola keranjang, badminton dan futsal, pelupusan dan pembekalan alat permainan serta pemasangan papan tanda Undang-Undang Kecil (UUK). Sepanjang tahun ini, 49 Inden bernilai RM1,823,717.00 dan 11 kerja sebut harga bernilai RM3.26 juta telah dilaksanakan.





KAWALAN PENCEGAHAN DAN PEMANTAUAN KESIHATAN AWAM

Kesihatan awam adalah penting untuk kesejahteraan masyarakat. Risiko penyakit berjangkit dan isu kebersihan memerlukan langkah pencegahan, pemantauan, dan penguatkuasaan yang berkesan. MBDK melaksanakan pelbagai program kawalan penyakit, pemantauan premis makanan, dan pengurusan hasil gerai serta tapak promosi bagi memastikan keselamatan, kebersihan, dan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan kesihatan awam.

Aktiviti pencegahan penyakit berjangkit, khususnya demam denggi, dilaksanakan secara berterusan dengan sasaran penurunan kes 20% berbanding 2024. Pada 2025, jumlah kes menurun 52.5% dan lokaliti wabak menurun 50.3%. Bagi 2026, sasaran penurunan lokaliti hotspot dan wabak tidak terkawal ditetapkan 20% berbanding 2025.

Hasil sewaan gerai pasar awam dan tapak promosi meningkat ketara pada 2025, masing-masing RM2,232,696.05 (naik 150%) dan RM151,371.00 (naik 70%). Sasaran 2026 pula ialah peningkatan hasil 10% berbanding pada tahun ini (2025).

Pemeriksaan premis makanan pada 2025 mencapai 103.8% daripada sasaran (3,114 daripada 3,000 premis). Aktiviti penggredan premis makanan juga melebihi 100%, menunjukkan pematuhan dan keberkesanan penguatkuasaan. Sasaran 2026 adalah sekurang-kurangnya 80% premis mencapai status Premis Bersih.





FUNGSI JAWATANKUASA RUNDINGAN PENDUDUK

Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Penduduk pada tahun ini menjadi medan penting untuk Pihak Majlis menilai keberkesanan pengurusan aduan di Klang. Melalui pembentangan statistik penerimaan dan penyelesaian aduan, kita dapat mengenal pasti kategori aduan tertinggi di setiap zon. Perbincangan yang berlangsung bersama Jabatan-Jabatan dalaman MBDK membolehkan setiap isu diteliti secara menyeluruh dan penyelesaian dirangka secara bersama.

YBhg. Dato' Haji Abd Hamid Hussain merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis atas komitmen, kerjasama, dan sumbangan dalam memastikan kejayaan dan kelancaran fungsi jawatankuasa ini. Keprihatinan, kesungguhan serta kehadiran Ahli Majlis di lapangan juga amat membantu memastikan setiap aduan rakyat diberi perhatian sewajarnya dan ditangani dengan berkesan.



PENCAPAIAN INOVASI MBDK 2025

Pada tahun 2025, MBDK terus komited memperkukuh budaya inovasi dan meningkatkan kualiti perkhidmatan hingga ke peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Antara penglibatan yang membanggakan Majlis Bandaraya Diraja Klang yang diwakili oleh Kumpulan E-Fastries daripada Jabatan Perancang Bandar telah menyertai Pertandingan Inovasi MALA 3.0 Piala Yang Berhormat Menteri KPKT anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia dan berjaya meraih tempat ke-6 daripada 67 projek inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia yang mengambil bahagian untuk mempamerkan hasil inovasi dalam usaha meningkatkan tahap perkhidmatan yang lebih efisien.

Di peringkat negeri Selangor, MBDK juga turut menyertai Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) anjuran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan empat penyertaan, sekali gus mencatat kejayaan apabila Kumpulan Cosmos daripada Jabatan Perancang Bandar dan Kumpulan X-Nozzer daripada Jabatan Penguatkuasa yang berhibrid dengan jabatan Penguatkuasa MBSA masing-masing meraih tempat ketiga dalam kategori penyampaian perkhidmatan.



MBDK terus mencatatkan nama di persada antarabangsa dengan menyertai Sustainable Development Goals International Innovation Awards (SDGIIA) secara virtual, dengan menghantar dua penyertaan diwakili oleh Kumpulan SSCS dari Jabatan Perancang Bandar melalui projek Smart Sungai Sistem, dan Kumpulan Timeless 2.0 dari Jabatan Kesihatan dengan projek MyDigital Licensing Outreach Program: Solutions for Responsible Pet Ownership. Kedua-dua kumpulan ini berjaya meraih Anugerah Emas serta Anugerah Khas, sekali gus mengharumkan nama MBDK di persada inovasi antarabangsa.

Manakala Kumpulan E-Fastries pula sekali lagi mengharumkan nama MBDK dengan kejayaan merangkul Anugerah Emas pada International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2025 di Taipei, Taiwan.

Selain itu, MBDK turut berjaya menganjurkan Konvensyen Mini KIK peringkat dalaman dengan penglibatan 9 jabatan dan penghasilan 10 projek inovasi, sekali gus membuktikan budaya inovasi semakin berakar umbi dalam organisasi dan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan perkhidmatan pada masa hadapan.





PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA AHLI MAJLIS MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG BAGI SESI 2024/2025

Perkhidmatan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) bagi sesi 2024/2025 akan berakhir pada 31 Disember 2025. Sehubungan itu, YBhg. Dato' Haji Abd Hamid Hussain, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Diraja Klang, mewakili seluruh warga MBDK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan terima kasih kepada semua Ahli Majlis atas segala khidmat bakti dan komitmen yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan.

Segala sumbangan dan dedikasi yang diberikan amat bermakna dalam usaha MBDK berganding bahu membangunkan serta memajukan Daerah Klang demi kesejahteraan masyarakat. Pihak Majlis amat menghargai kerjasama erat yang telah terjalin dan berharap hubungan baik ini dapat diteruskan serta diperkukuhkan pada masa akan datang.



1,539 PERMOHONAN DIPROSES DENGAN KOMITMEN

Sepanjang tahun 2025, Majlis Bandaraya Diraja Klang telah menerima dan memproses sebanyak 1,539 permohonan pelbagai jenis pelan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 587 adalah pelan bangunan, 103 pelan kerja tanah, 213 pelan jalan dan parit, 108 pelan lampu jalan, 158 pelan landskap, serta 125 pelan CCC termasuk Borang G dan F. Keseluruhan usaha ini mencerminkan komitmen MBDK dalam memastikan kelancaran pembangunan dan perancangan bandar yang teratur dan berdaya maju.

PENGECUALIAN CUKAI TAKSIRAN 2026 — NEGERI SELANGOR —

KEDIAMAN KOS RENDAH



Pengecualian
DITERUSKAN
Tahun 2026

KEDIAMAN KAMPUNG



Pengecualian
BERSASAR
Tahun 2026

SYARAT KELAYAKAN



Keluasan kurang dari
2000 kaki persegi



Warganegara Malaysia
dan menetap di
Selangor



Pendapatan isi rumah
RM5000.00 dan ke
bawah (berkahwin)



Layak memohon untuk
satu akaun atau satu
rumah



Pemilik harta berdaftar

NILAI-NILAI MURNI MBDK

M

MESRA PELANGGAN



B

BERDAYA MAJU

Pelaksanaan projek dan perkhidmatan yang memacu kemajuan digitalisasi



D

DIRAJA & WARISAN

Mengekalkan elemen Diraja dan Warisan



K

KUALITI

Perkhidmatan bandar raya yang memenuhi kehendak pelanggan dan piawaian

